

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA

PEMBATALAN PROJEK KIDEX OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

YAB Menteri Besar Selangor Darul Ehsan pada 16 Februari 2015 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan telah membatalkan projek Lebuhraya Kinrara-Damansara atau pun lebih dikenali sebagai Lebuhraya KIDEX.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan akan merujuk kepada Pejabat Peguam Negara dari sudut perundangan berhubung keputusan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan membatalkan projek lebuhraya tersebut bagi mendapatkan input berkaitan undang-undang memandangkan perjanjian konsesi adalah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan syarikat konsesi.

Dari segi pematuhan, Kementerian Kerja Raya (KKR), melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), sudah memenuhi semua proses dan prosedur seperti ditetapkan, termasuk prasyarat yang mana sudah dikemukakan keseluruhannya kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), dengan ianya telah mendapat kelulusan prinsip bersyarat pada 23 Februari 2012 daripada kerajaan negeri. Turut dikemukakan pada 7 Julai 2014, ialah

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Penilaian Impak Lalulintas (Traffic Impact Assessment) , Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment)).

Kerajaan Persekutuan melihat kepada keperluan untuk menangani kesesakan lalulintas di kawasan Lembah Klang dan Petaling Jaya, dengan KIDEX adalah salah satu penyelesaian di samping lebuhraya – lebuhraya lain yang dicadangkan Kerajaan Persekutuan ke arah mewujudkan jaringan rangkaian jalanraya / lebuhraya serta pengangkutan awam yang lebih sistematik.

Dari sudut *engagement*, pelbagai sesi telah diadakan sama ada oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau secara inisiatif persendirian oleh syarikat konsesi kepada 76 Persatuan Penduduk, 172 Rukun Tetangga dan juga sektor swasta / perniagaan untuk menerangkan cadangan jajaran lebuhraya ini di samping memperolehi maklumbalas.

Pameran awam telah diadakan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Pada 9 Mei 2013 Pewartaan di bawah Rancangan Tempatan MPSJ (Penggubahan 1) 2020 telah pun dilaksanakan. Bagi MBPJ, pelbagai sesi perbincangan telah diadakan di antara ahli-ahli Majlis MBPJ, Bahagian Kejuruteraan, LLM dan syarikat konsesi untuk memberikan penjelasan yang menyeluruh mengenai cadangan jajaran Lebuhraya KIDEX.

MBPJ telah melantik Perunding dan Perancang Trafik MDS, untuk menilai kesan trafik, kajian destinasi asal, analisa kos faedah dan beberapa aspek berhubung Penilaian Impak Trafik KIDEX. Laporan itu telah dibentangkan kepada jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan MBPJ pada 21 Januari 2015, kepada ahli-ahli Majlis dan pada 27

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Januari 2015 kepada Ahli-Ahli Dewan Undang Negeri dan Ahli Parlimen yang terlibat. Wakil teknikal LLM dalam taklimat tersebut telah mengutarakan pandangan dan penjelasan mereka berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam laporan perunding.

Beberapa sesi *engagement* bersama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga, telah dilaksanakan sejak Ogos 2014 dan masih berterusan. Di samping itu, sesi *engagement* dengan sektor perniagaan juga dilaksanakan oleh syarikat KIDEX. Antaranya Axis Reit, CIMB Mapletree, Digital Mall, Natural Wellness, Dutch Lady, British American Tobacco, Sin Chew JitPoh, Tien Wah Press, Plaza 33, Quill 9, Jaya Shopping Centre dan Selangor Chinese Chamber of Commerce & Industry, Tun Hussein Onn National Eye Hospital dan Masjid Bulat.

Berikutan keputusan Menteri Besar membatalkan projek berkenaan, KKR akan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Selangor untuk membincangkan lebih lanjut mengenai perkara ini bagi memastikan pada akhirnya apa juga keputusan yang dibuat ianya akan memanfaatkan rakyat majoriti.

Dato' Sri Fadillah Yusof
Menteri Kerja Raya Malaysia
18 Februari 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my